

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 28/3/2016

Muka surat: 12

Tajuk : Makan Malam Masnita meriah



**UNTUK ALBUM...** Toh Puan Datuk Patinggi Raghad Kurdi Taib dan Datin Patinggi Dato Jamilah Anu merakam gambar bersama ahli jawatankuasa Persatuan Wanita Universiti Malaysia Sarawak (Masnita).

## Makan Malam Masnita meriah

**KUCHING:** Persatuan Wanita Universiti Malaysia Sarawak (Masnita) menganjurkan Majlis Makan Malam Amal Sinaran Kasih Masnita bersempena Program Masnita Bersama Komuniti yang dijalankan sepanjang tahun ini.

Majlis makan malam amal ini adalah acara kemuncak

dua acara besar yang dijalankan oleh Masnita iaitu Fiesta Masnita dan Majlis Makan Malam Amal Sinaran Kasih Masnita.

Majlis ini bertujuan mengumpul dana untuk kebajikan khusus bagi membantu golongan yang memerlukan.

Pusat kebajikan yang terpilih

adalah Yayasan Jantung Sarawak yang banyak membantu menampung kos perubatan dan pemulihan pesakit jantung; dan Pusat Dialisis NKF yang banyak berusaha untuk menampung kos pembangunan Pusat Dialisis di Kota Samarahan.

Di samping itu, Masnita

juga mengenal pasti beberapa organisasi, pertubuhan dan golongan lain yang juga memerlukan bantuan.

Tetamu kehormat Toh Puan Datuk Patinggi Raghad Kurdi Taib dan Datin Patinggi Dato Jamilah Anu.

Majlis makan malam ini diserikan dengan persembahan

Orkestra UNIMAS dan pertunjukan fesyen oleh pen-syarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif UNIMAS, Asrul Asshadi Mohamad Morni, dan gabungan tiga pereka tempatan, TRIGA - Abdul Hafiz untuk batekamek, Jaquita untuk Raden, and Dewi Khalid untuk Mastjli Khalid.